

Oleh **MOHAMMAD ALINOR ABDUL KADIR**



Za'ba dan Permasalahan Falsafah Bahasa

Bahasa Sanskrit dan Bahasa Melayu Kuno

Kalau kita mentelaah karya-karya Za'ba tentang tatabahasa Melayu, tentunya akan termaklum kemudiannya bahawa amatlah sedikit Za'ba menyentuh isu yang saya mahu bawakan dalam makalah ini, iaitu isu terkaitnya bahasa Melayu kuno dengan bahasa Sanskrit. Za'ba mungkin maklum tentang beberapa batu bersurat di Semenanjung Tanah Melayu dan di Sumatera yang tertulis dalam bahasa Melayu kuno, malah beliau mungkin maklum tentang Batu Bersurat Pengkalan Kempas di Port Dickson, Negeri Sembilan, yang hanyalah sekitar 60 kilometer dari Kuala Pilah (Za'ba bermastautin

disini) dan 20 kilometer dari Linggi (Za'ba menuntut di madrasah disini). Namun, Za'ba tidak mengambil ruang dan masa yang cukup untuk membahaskan bahasa Melayu kuno, sedangkan maklumat pada Batu Bersurat Pengkalan Kempas ini amatlah menarik, iaitu bahasa Melayu kuno wujud dalam dua tulisan, iaitu tulisan palawa dan tulisan jawi.

Apakah sebabnya Za'ba tidak peduli terhadap bahasa Melayu kuno? Apakah disebabkan beliau tidak berpengalaman dalam kajian sejarah dan arkeologi Melayu? Ataupun, disebabkan beliau tidak pernah mentelaah mana-mana karya Casparis, Coedes, Damais, Kern, dan penulis-penulis lain tentang bahasa Melayu kuno? Walaupun dimaklumi bahawa

zaman Za'ba berkarya sekitar 1915-1960 ialah zaman kecemerlangan kajian bahasa Melayu kuno oleh epigrafis Perancis di Vietnam (dulunya Campa), Kemboja (dulunya Funan dan Chenla), Lao dan Sumatera (dahulunya Sriwijaya); epigrafis Belanda di Sumatera (dahulunya Sriwijaya), Jawa (dahulunya Majapahit) dan Kalimantan; epigrafis Sepanyol di Filipina; dan epigrafis Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu, Temasik, Siam dan Burma (dahulunya Mon). Jika Za'ba mengambil sedikit masa menelaah karya-karya epigrafis tersebut, tentunya beliau akan terfikirkan tentang permasalahan mendasar bahasa, iaitu bagaimanakah asal usulnya bahasa Melayu kuno? Sebelum menjawab

permasalahan ini, Za'ba sepatutnya mengumpulkan sebanyak mungkin teks tatabahasa Sanskrit, tatabahasa Melayu kuno, teks tatabahasa Jawa kuno, teks tatabahasa Campa, dan teks-teks lain. Penulis himpungan beberapa teks yang mungkin boleh ditelaah oleh pengkaji sejarah bahasa tempatan atau serantau:

- (i.) *Astadyani Panini* (yang dikarang oleh Panini sekitar 350SM) yang disebut dalam batu-batu bersurat Raja Yasovarman (810-840S/888-918M).
- (ii.) *Mahabhasya Patanjali* (ulasan terhadap karya Panini yang dikarang oleh Patanjali sekitar kurun ke-2SM) yang juga disebut dalam batu-batu bersurat Raja Yasovarman (810-840S/888-918M).
- (iii.) *Kashikavrtti* (ulasan terhadap karya Panini) karya Jayaditya dan Vamana sekitar kurun ke-7M. Disebut dalam batu bersurat Campa.
- (iv.) *Candakirana* (Jawa Kuno).
- (v.) *Krtabhasya* (Jawa Kuno).
- (vi.) *Bhasa Ekalavya* (Jawa Kuno).
- (vii.) *Svaratyanjana* (Jawa Kuno).
- (viii.) *Karakasamgraha* (Jawa Kuno).

Dalam kalangan epigrafis Perancis, Belanda, Inggeris dan Sepanyol, yang separa mahir dan kadang kalanya amat mahir dalam bahasa Melayu kuno, bahasa Campa, bahasa Jawa Kuno, dan bahasa-bahasa lain, tidak adalah pula sebenarnya yang mahu melakukan suatu lompatan penyelidikan, iaitu mengkaji isu kefalsafahan dalam sesuatu bahasa, seperti mempertanyakan, apakah wujud perbahasan berkenaan asal-usul huruf, perkataan, ayat dan bahasa? Juga seumpama soalan, apakah hubungan bahasa dengan pemikiran? Apakah makna sesuatu benda atau perkara? Apakah hubungan pengetahuan atau ilmu

dengan bahasa serta soalan-soalan lain. Tidak pula pernah terlintas dalam fikiran penulis tentang penulisan sebegini yang dikaitkan dengan bahasa Melayu kuno. Persoalan paling tinggi mungkin asal-usul perkataan dalam bahasa Melayu kuno, seperti yang pernah diusahakan oleh Casparis, yang kini disambung oleh Kozok (yang baru-baru ini mengulas sebuah manuskrip bahasa Melayu kuno bertajuk Undang-Undang Tanjung Tanah (1345). Seorang yang agak terkecuali dalam hal ini ialah Humboldt yang melakukan pendokumentasian dan penyelidikan bahasa Jawa sekitar tahun 1830-1835. Penulis belum mendapatkan buku asalnya mahupun terjemahannya.

Humboldt menggunakan maklumat-maklumat tentang bahasa Jawa untuk menyokong beliau mempertanyakan dan menjawab soalan dasar, apakah asal usul bahasa? Perlu ada seorang siswazah yang mengkaji sejauh manakah Humboldt memanfaatkan bahasa Jawa untuk berhujah. Penulis pernah terbaca bahawa Jose Rizal banyak mentelaah buku Humboldt sewaktu beliau menuntut dalam bidang perubatan di Jerman, dan kemudiannya mengetahui bahawa bahasa Tagalog dan seluruh dialek di Filipina adalah serumpun dengan bahasa Jawa, malah serumpun dengan seluruh bahasa daerah di Alam Melayu, iaitu 1 200 jumlah kesemuanya. Gerakan Indios Bravos tajaan Jose Rizal di Paris seawal tahun 1880 dimulai dengan kefahaman kesatuan atau kerumpunan bahasa Alam Melayu ini. Kemudiannya, kita mendengar tentang Gerakan Melayu Raya tajaan Sukarno.

Tatabahasa Arab dan Tatabahasa Zaba

Kalau hanya sekadar 1% dalam kalangan 30 000 manuskrip Jawi kita hipotesiskan sebagai terangkum dalam kumpulan kajian kebahasaan, itu sudah mencapai 300 naskhah. Sudah cukup untuk membuatkan seorang calon doktor falsafah berpusing seluruh dunia untuk mendapatkannya sebagai bahan kajian. Tatabahasa Arab, tatabahasa Parsi dan tatabahasa Melayu klasik (juga kamus) sepatutnya terangkum dalam himpunan ini. Namun, kajian sebegini belum mesra kepada pengkaji bahasa dan hal yang demikian menyebabkan amat sukar untuk kita menjawab soalan, apakah manuskrip tatabahasa Melayu klasik yang tertua? Penulis tidak boleh memberikan kata putus dan apa yang penulis berani katakan ialah setiap kali penulis menjengah katalog manuskrip Jawi, kekerapan penulis bertemu dengan teks tatabahasa Arab (mungkin juga Parsi) amatlah tinggi. Katalog Manuskrip Minangkabau yang sedang dibina di UNAND, Padang, Sumatera Barat, kini memang menunjukkan kekerapan yang sangat tinggi perihal bidang ini. Berikut, ialah dua tatabahasa Melayu klasik yang wujud sebelum Tatabahasa Za'ba, iaitu:

- (i.) *Kamus dan Tatabahasa Melayu-Campa*, dijangkakan kurun ke-17M, dalam tujuh manuskrip tetapi hanya empat manuskrip diterbitkan oleh Po Dharma.
- (ii.) Tatabahasa Raja Ali Haji, sekitar penghujung kurun ke-19.

Kedua-duanya telah penulis telaah dengan agak menyeluruh, namun persoalan falsafah bahasa

lanense - General

masih belum dipertanyakan oleh pengarang masing-masingnya. Oleh sebab *Tatabahasa Zaba* dikatakan juga ialah sejenis tatabahasa yang kuat dipengaruhi oleh tatabahasa Arab, makanya penulis kelaskan tatabahasa itu di sini. Seseorang patut menunjukkan dengan lebih tuntas tentang bagaimana kuatnya Za'ba merujuk tatabahasa Arab untuk membangunkan tatabahasanya? Apabila penulis bertanya hal ini kepada beberapa penyelidik bahasa, mereka setakat menyatakan bahawa "dikatakan bahawa Za'ba memanfaatkan tatabahasa Arab untuk membangunkan tatabahasanya", suatu kenyataan umum yang belum dibuktikan.

Perbahasan falsafah bahasa kini maklum bahawa Ibn Khaldun ialah sarjana pertama dunia yang mempertanyakan asal usul bahasa. Bagi Ibn Khaldun, sesuatu bahasa yang dipertuturkan oleh sesebuah masyarakat ditakrifkan sebagai "kelakuan berkaedah", yang digelar sebagai "malaka sina 'iyya". Ibn Khaldun juga menganggap bahawa tatabahasa dan mantik atau logik ialah penghalusan daripada retorik. Penulis merasakan bahawa hal ini amatlah tepat, sebab logik menganggap bahawa huruf atau perkataan = nama atau ayat = makna, sebagai telah sedia wujud dan kebenarannya tidak boleh dipertikaikan. Bagaimanakah konsep "malaka sina 'iyya" tersebut berkembang dalam tamadun Islam, apatah lagi tamadun Melayu? Apakah fahaman yang ditakrifkan oleh Ibn Khaldun ini diasaskan oleh aliran pemikiran Basrah dan/ atau aliran pemikiran Baghdad yang berdebat panjang tentang kefalsafahan bahasa Arab? Debat antara Abu Sa'id al-Sirafi dengan Abi Bisr Matta menunjukkan betapa lemahnya logik Greek

Penulis merasakan bahawa hal ini amatlah tepat, sebab logik menganggap bahawa huruf atau perkataan = nama atau ayat = makna, sebagai telah sedia wujud dan kebenarannya tidak boleh dipertikaikan.

takala diusahakan agar tatabahasa Arab diterima pakai. Unsur-unsur yang seperti Ibn Khaldun katakan itu banyak kali muncul dalam debat ini. Apa yang termaklum kemudiannya ialah seorang sarjana Yahudi bernama Jehuda ben David Hayyūq menyedari bahawa akar kata Arab boleh dimanfaatkan untuk memahami akar kata Ibrani atau Hebrew. Sebelum beliau, sarjana-sarjana Yahudi tidak mengetahui (atau sengaja tidak peduli disebabkan permusuhan) bahawa bahasa Arab dan bahasa Ibrani mengikuti Prinsip Trilateral atau Tiga-Huruf. Kajian beliau disambung kemudiannya oleh Wilhelm Gesenius, yang kemudiannya amat disanjung tinggi sekitar 1870-an. Pada tahun 1910, Noldeke menerbitkan teori ini melalui makalahnya dalam *Beiträge zur semitischen Sprachwissenschaft* (hlm 109-207) dan Brockelmann dalam *Grundriss der Vergleichenden Grammatik der Semitischen Sprachen*. Kedua-dua kajian ini disambung oleh

Delitzsch, Bloomfield, Bottcher, August, Muller, Stade, Phillipi, Dietrich, Furst, Kautzsch, Lambert, Maier, dan penulis-penulis lain sehinggalah Chomsky (mulai 1951). Tidaklah berani penulis katakan tanpa usul periksa, bahawa Teori Tatabahasa Terbitan atau Generatif Chomsky ialah bentuk yang maju bagi Teori Akar Perkataan Arab atau Ibrani, walaupun sejarah mengaitkannya. Teori Chomsky ini telah berkembang biak dan diguna pakai kini oleh semua bahasa dunia. Tatabahasa Arab Moden tidak terkecuali dan dikesani bahawa 16 tesis sarjana dan doktor falsafah dalam bidang bahasa atau linguistik memanfaatkan Teori Chomsky untuk disesuaikan dengan bahasa Arab (data 1949-1963 di Eropah). Dalam Alam Melayu, Teori Chomsky ini juga amat berpengaruh diguna pakai untuk tatabahasa Melayu. Namun, sesuatu perkara yang patut diambil teladan ialah Za'ba pernah berusaha memanfaatkan Teori Akar Perkataan Arab dalam pembangunan Tatabahasa Melayu beliau. Apakah dalam karya-karya beliau terangkum segala permasalahan yang dipertanyakan oleh Ibn Khaldun, Sa'id al-Sirafi dan aliran pemikiran Baghdad dan Basra tadi?

Tatabahasa Eropah dan Tatabahasa Melayu Moden

Gelintaran sejarah yang baru penulis nyatakan tadi meletakkan tatabahasa Za'ba dalam perjalanan tatabahasa daripada Ibn Khaldun kepada Chomsky. Lalu, kalau Chomsky mampu menunjukkan bahawa banyak, tatabahasa dunia adalah berteraskan Teori Generatif atau Terbitan yang diusahakannya, sedangkan kita mengetahui bahawa teori ini berevolusi daripada Teori Akar Perkataan

Arab atau Ibrani, menapa tidak kita mampu mempertanyakan bahawa tatabahasa Za'ba (jika kita mampu mengeluarkan teori pembangunan tatabahasanya) adalah juga berkuasa seperti itu? Apakah teori yang dipakai oleh Za'ba untuk membangunkan tatabahasanya? Atau, tatabahasa yang dipakai lebih awal oleh Raja Ali Haji? Namun, bukan persoalan ini yang dipertanyakan oleh pengkaji bahasa. Mereka selalunya hanya menurut sahaja apa yang diusahakan oleh linguist Eropah, dan perkataan "moden" yang diletakkan pada tatabahasa Melayu adalah seperti bermaksud "sejauh manakah tatabahasa Melayu menuruti peraturan tatabahasa Eropah", sedangkan Chomsky menunjukkan bahawa Tatabahasa Eropah tersebut mematuhi Teori Generatif atau Terbitan yang beliau bangunkan daripada Teori Akar Perkataan Arab atau Ibrani? Menapa kita tidak katakan bahawa tatabahasa Raja Ali Haji dan tatabahasa Za'ba, yang dibangunkan atas Teori Akar Perkataan Arab, juga berupaya dikembangkan sepertimana Teori Generatif atau Terbitan Chomsky? Penulis boleh memberikan senarai seluruh Kamus Eropah-Melayu semenjak tahun 1521, puluhan kalau tidak ratusan jumlahnya. Namun, penulis mahu memulau dengan memberikan dua maklumat berikut:

- (i.) Oe Tadafusa, mati 1111, *Susunan Daftar Kata Bilangan Melayu* (tajuk Jepun?).
- (ii.)?, 1365-1511, *Man La Jiu Guo Yi Yu* (Perkataan-Perkataan di Melaka).

Bangsa Eropah yang datang kemudiannya ke Alam Melayu semenjak tahun 1511 itu secepatnya sudah merakamkan bahasa Melayu klasik ke bahasa mereka. Penulis

Bangsa Eropah yang datang kemudiannya ke alam Melayu semenjak tahun 1511 itu secepatnya sudah merakamkan bahasa Melayu klasik ke bahasa mereka.

menyambung senarai tadi, tetapi khusus untuk Eropah:

- (i.) Antonio Pigafetta, 1519-1521, *The First Italian-Malay Vocabulary*.
- (ii.) Cornelius Gerritz, 1588, *Some Moluccas Words*.
- (iii.) Jacob van Neck, 1601, *Counting in Moluccas Tongue*.
- (iv.) Frederick de Houtman, 1603, *Spraack ende woerboek, inde Malaeyische ende Madagaskariche met vele Arabische ende Turksche Woorden*.
- (v.) Thomas Bowvery, 1701, *A Dictionary Englis and Malayo, Malayo English*.
- (vi.) dan buku-buku lain.

Di Eropah, sebenarnya, isd-isu kefalsafahan berkisar kepada permasalahan bagaimanakah sesuatu bahasa wujud atau ada? Hal yang sedemikian ini telah mula dibincangkan, iaitu semenjak Condillac dan disambung oleh Maupertuis, Lowth, Sussmilch,

Formey, Toissaint, Herder, Rousseau, Mendelssohn, Shaftesbury, dan penulis-penulis lain. Wittgenstein berpandangan seperti berikut:

- (i.) Perlunya suatu ruang logik, sebab setiap ayat atau usulan merujuk suatu titik dalam ruang logik tersebut.
- (ii.) Suatu ayat terdiri daripada nama-nama yang berkaitan dengan objek-objek.
- (iii.) Nama bukanlah primer atau yang pertama.
- (iv.) Menentang kemungkinan dan keboleherapan objek yang mutlak secara metafizik.
- (v.) Menentang penjelasan yang tepat.
- (vi.) Menentang kemungkinan bahasa/kefahaman/makna sendiri.
- (vii.) Menukulkan teori permainan bahasa, yang bermaksud secara epistemologinya, seseorang manusia memberikan nama kepada semua objek yang pertama, kali ditemuinya.

Persoalan penulis ialah, bolehkah kita menggali karya-karya Za'ba sehinggalah kita boleh sampai kepada persoalan-persoalan yang juga bermain difikiran ahli-ahli falsafah bahasa seperti Wittgenstein? Kitalah yang perlu memulau kajian sebegini. DB

Bibliografi

- Adnan Haji Nawang, 1994. *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*. KL: Yayasan Penataran Ilmu.
- Za'ba. 1956. *Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia*. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III.
- Za'ba. 1956. *Bahasa Melayu dengan Tulisannya*. Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III.
- Za'ba. 2000. *Pelita Bahasa Melayu: Penggal I-III*. KL: DBP.
- Za'ba. 2013. *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya*. BBB: Klasika Media.